

Memanfaatkan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah



Oleh: Mahfuzah Mohd Said

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 2 Ogos 2021

Keterbatasan jarak dan masa menjadikan telefon pintar sebagai medium utama untuk berkomunikasi ketika ini. Majoriti masyarakat di Malaysia pasti mempunyai sekurang-kurangnya sebuah telefon pintar di rumah.

Golongan yang agak berusia lebih gemar menggunakan aplikasi WhatsApp untuk berhubung antara satu sama lain manakala golongan dewasa dan belia lebih suka meneroka aplikasi baharu.

Berdasarkan kajian yang dikeluarkan daripada *Hootsui* dan *We Are Social* dalam Laporan Digital 2018 melaporkan rakyat Malaysia memperuntukkan purata tiga jam sehari dalam laman media sosial serta 75 peratus daripada mereka menggunakan platform tersebut.



Gambar hiasan

Namun, sejauh manakah kita memanfaatkan peluang dan ruang dalam media sosial untuk menyebarkan kebaikan antara satu sama lain?

Media sosial memberikan pengaruh yang sangat besar dari aspek sosial, ekonomi, politik, dakwah dan pendidikan.

Media sosial boleh menjadi sebesar-besar manfaat jika digunakan dengan cara yang betul namun ia juga boleh menjadi sebesar-besar mudarat jika digunakan secara salah.

Pada masa yang sama, media sosial boleh menjadi medium dakwah yang berkesan kepada masyarakat. Cendekiawan Islam terkenal dari Mesir, Sheikh Dr Yusuf al-Qaradhawi, dakwah merujuk kepada perbuatan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran.

Dalam surah Ali Imran ayat 110, Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah buruk dan keji, serta kamu pula beriman kepada Allah dengan sebenar-benar iman.”

Pada era pandemik ini, kita banyak menghabiskan masa dengan telefon pintar mulai mata terjaga sehingga kembali tidur pada malamnya.

Oleh itu, tugas berdakwah perlu berjalan seiring keadaan masa kerana kita lebih tertumpu kepada penggunaan media sosial pada masa kini.

Jika sebelum ini kita selalu mengikuti ceramah di masjid dan surau, kini segala aktiviti pengisian rohani banyak diikuti melalui skrin telefon dan layar televisyen.

Nabi Muhammad SAW berdakwah selama tiga tahun secara rahsia kepada ahli keluarga dan sahabat-sahabat terdekat bagi mengelakkan diketahui oleh golongan musyrikin.

Kemudian, turun wahyu Allah SWT dalam surah al-Muddassir memerintahkan Nabi SAW untuk berdakwah secara terang-terangan memandangkan jumlah umat Islam yang memberikan sokongan kepada baginda semakin bertambah.

Sejak itu, dakwah baginda mendapat tentangan yang sangat hebat daripada kaum musyrikin. Berbeza dengan kita pada hari ini semestinya lebih mudah untuk menyebarkan kebaikan kepada masyarakat tanpa tentangan yang hebat seperti dilalui Nabi Muhammad SAW.

Sungguh meresahkan melihat situasi seperti bunuh diri, keruntuhan rumah tangga, sumbang mahram dan gangguan seksual semakin berleluasa.

Sememangnya kewajipan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran perlu kita pasakkan dalam diri sepanjang masa. Pendekatan dakwah kontemporari juga perlu diperluaskan demi kesejahteraan ummah akan datang.

Jika kita berada di posisi sebagai orang yang menerima dakwah perlulah menerima dan beramal dengan hati yang terbuka selagi tidak melanggar hukum syariat yang ditetapkan.

Jadilah kita orang yang bermanfaat kepada masyarakat seperti sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, “Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi orang lain.”

Teknologi komunikasi terkini termasuk media sosial juga seharusnya dimanfaatkan bagi tujuan berdakwah menyebarkan ajaran Islam kepada seluruh umat manusia.